

## Pengundi Sabah mencari arah dan kuasa acuan sendiri

Oleh [Datuk Prof Dr Jayum Anak Jawan](#) - November 8, 2025 @ 2:42pm



Menjelang Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah ke-17, pengundi di negeri itu bakal membuat keputusan berdasarkan pertimbangan mereka terhadap pelbagai faktor mempengaruhi masa depan diri, keluarga dan wilayah itu secara keseluruhan.

Corak pengundian tidak akan bergantung kepada satu dimensi semata-mata seperti umur, jantina, status sosio-ekonomi atau tahap pendidikan. Sebaliknya, semua faktor ini saling berkait dan akan membentuk keputusan akhir seseorang pengundi.

- Faktor pertama dijangka paling penting ialah soal masa depan Sabah dan kedaulatan kuasa rakyatnya. Dalam konteks ini, pengundi mungkin mahu memastikan hal ehwal negeri mereka ditentukan sepenuhnya orang Sabah sendiri, bukan parti atau tokoh politik dari luar.

Sabah yang berbilang etnik, agama dan budaya memerlukan corak pembangunan berpaksikan realiti setempat. Pengalaman menunjukkan pendekatan pembangunan dari Semenanjung, yang sering diganggu ketidakseimbangan hubungan antara kaum, bukan contoh wajar diteladani.

- Faktor kedua, pengundi Sabah akan menilai sama ada kerjasama berterusan dengan parti atau pemimpin dari luar benar-benar membawa manfaat kepada mereka.

Hakikatnya, kemajuan ekonomi Sabah masih perlahan berbanding negeri lain. Sabah sebelum ini dilaporkan kekal antara negeri termiskin di Malaysia. Maka, timbul persoalan besar apakah maknanya terus bekerjasama dengan parti luar jika hasilnya tidak banyak mengubah taraf hidup rakyat tempatan.

- Faktor ketiga berkait rapat dengan kepemimpinan. Pengundi Sabah cenderung memilih pemimpin bebas daripada kawalan pihak luar. Walaupun calon mungkin berasal dari Sabah, jika beliau dilihat terlalu bergantung pada parti luar atau mendapat tajaan politik dari Semenanjung, persepsi umum akan tetap melihatnya sebagai wakil pihak luar.

Dalam ingatan ramai rakyat Sabah, pengalaman lama bagaimana demografi dan kuasa politik negeri ini pernah dicairkan melalui strategi kemasukan pengundi dari luar masih segar.

Maka, apabila slogan 'Sabah untuk Orang Sabah' kembali bergema dalam kempen kali ini, luka sejarah itu mungkin terbuka semula dan menuntut perubahan wajar.

- Faktor keempat ialah peranan pengundi muda, khususnya berusia 18 tahun yang akan mengundi kali kali pertama pada pilihan raya akan datang. Ramai penganalisis menjangka kelompok ini mampu menjadi penentu keputusan.

Namun, dari sudut teori tingkah laku politik dan proses sosialisasi, pengaruh generasi muda terhadap corak pengundian tidak berlaku secara mendadak.

### **Pengaruh pengundi muda**

Nilai dan sikap politik biasanya dibentuk melalui keluarga, pendidikan dan rakan sebaya, satu proses panjang yang tidak mudah diubah hanya dengan kempen jangka pendek.

Dalam banyak kes, anak akan mewarisi kecenderungan politik keluarga mereka. Seseorang yang lahir dalam keluarga penyokong UMNO misalnya, besar kemungkinan akan terus bersama parti itu, sama seperti anak keluarga PAS atau DAP yang cenderung mengekalkan pilihan tradisi mereka.

Walaupun perubahan boleh berlaku apabila individu terdedah kepada pengalaman dan persekitaran baharu, corak sedia ada lazimnya kekal kukuh kerana dibentuk sejak awal.

Oleh itu, pengaruh pengundi muda terhadap keputusan PRN Sabah nanti wajar dilihat dengan berhati-hati, bukan semata-mata bergantung kepada andaian.

Berdasarkan pengamatan ini, tidak mustahil pengundi Sabah akan memberi sokongan lebih besar kepada parti tempatan. Sentimen mahu menegakkan kuasa politik anak watan semakin ketara.

Mereka melihat kejayaan Sarawak sebagai contoh terbaik, negeri itu diurus sepenuhnya parti dan pemimpin tempatan, berjaya menuntut semula hak di bawah Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dan menikmati kelebihan hasil pengurusan berasaskan keutamaan sendiri.

Sebaliknya, Sabah masih belum mencapai kedudukan sama, meskipun turut memiliki kedudukan wilayah setara dalam Persekutuan Malaysia.

Maka, PRN kali ini boleh menjadi titik tolak baharu untuk rakyat Sabah menilai semula arah politik mereka sama ada mahu terus dipimpin dari luar atau berani mempercayai kuasa anak watan sendiri.

Akhirnya, keputusan di tangan rakyat Sabah sendiri. Mereka sudah lama memerhati, menilai dan menanggung akibat daripada pilihan politik dibuat.

PRN ke-17 nanti bukan sekadar soal siapa menjadi Ketua Menteri, tetapi ujian terhadap sejauh mana rakyat Sabah benar-benar mahu menentukan masa depan mereka dengan tangan sendiri.

**Penulis adalah Profesor Adjung, Institut Pengajian Borneo, UNIMAS**

**Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH**